

'UMBC serah 30% saham B-putera dengan sukarela'

KUALA LUMPUR, 22 April 1981.
Selasa.— Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menegaskan, UMBC telah mematuhi syarat peruntukan 30 peratus pemilikan sahamnya kepada Bumiputera secara sukarela sebelum Kerajaan menguatkuasakan syarat tersebut.

Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Perdagangan dan Perindustrian, berkata Pernas sehingga ini menguasai 30 peratus dari jumlah saham UMBC.

Syarat peruntukan 30 peratus saham kepada

Bumiputera ini dikenakan kepada setiap perusahaan yang baru ditubuhkan atau perusahaan yang sedang dalam proses pembesaran.

"Bagaimanapun, terdapat setengah syarikat perusahaan yang memperuntukkan 30 peratus dari sahamnya kepada Bumiputera secara sukarela.

"Berhubung dengan UMBC, ia telah memperuntukkan 30 peratus sahamnya kepada Pernas secara sukarela sebelum Kerajaan menguatkuasakan syarat itu," katanya ketika menjawab pertanyaan tambahan Senator Syed Kamarulzaman Syed Bahildin semasa soaljawab di Dewan Ne-

gara.

Kepada soalan asal dari Senator Syed Kamarulzaman, Datuk Seri Dr. Mahathir menjelaskan pemegang saham perseorangan UMBC tidak pernah menawarkan unit-unit sahamnya untuk dibeli oleh Pernas.

Tiada tawaran

Oleh itu, Pernas tidak dapat membeli unit-unit saham itu selain yang telah diperuntukkan kepadanya kerana tidak ada sebarang tawaran dari pemegang saham perseorangan, tambahnya.

Senator Syed Kamarulzaman bertanya, kenapa Pernas tidak membeli unit-unit saham UMBC dari pemegang

saham perseorangan, yang menyebabkan ia kehilangan peluang untuk menguasai pemilikan modal saham UMBC.

Sementara itu, Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Datuk Lew Sip Hon berkata, Kerajaan buat masa ini tidak bercaadng mengeluarkan subsidi secara langsung ke atas simen dan batang besi keluli.

Beliau memberitahu Senator Datuk Yap Peng semasa soaljawab di Dewan Negara, Kerajaan bagaimanapun akan memberi pengecualian cukai import dari masa ke semasa ke atas bahan-bahan mentah yang digunakan oleh pengilang bahan binaan tempatan, bagi mengurangkan tekanan kenaikan harga.

Pada bulan Mac 1981, Kerajaan menghapuskan cukai tokok ke atas simen dan dengan itu berharap bekalan simen bagi keperluan dapat distabilkan, katanya.